

PM ajak rakyat manfaat teknologi

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat memanfaatkan teknologi untuk membangunkan sumber asli bagi menjana pendapatan, sekali gus membasmi masalah kemiskinan di negara ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu lebih kreatif dan inovatif dalam menghasilkan produk berasaskan sumber semula jadi yang boleh menambatkan lagi sumber pendapatan masing-masing.

Dalam temuramah eksklusif mengenai isu semasa yang disiarkan menerusi RTM malam tadi, beliau memberi contoh bagaimana teknologi hidroelektrik berjaya menghasilkan tenaga yang memberi manfaat kepada orang ramai.

Katanya, rakyat tidak boleh bergantung kepada kerajaan semata-mata dan menunggu bantuan, sebaliknya menggunakan ilmu untuk memajukan diri.

"Malaysia cukup kaya dengan sumber alam semula jadi yang perlu diguna dan diuruskan dengan sebaik-baiknya untuk memberi faedah kepada rakyat serta negara.

"Dalam bidang pertanian contohnya, kita ada kelapa sawit dan getah yang jelas memberi kekayaan kepada negara selepas berjaya menguruskannya dengan baik," katanya.

Abdullah berkata, Malaysia juga mempunyai alam semula jadi yang boleh dibangunkan untuk pembangunan industri pelancongan seperti pantai, hutan, pulau dan taman laut.

Justeru, beliau meminta supaya sumber semula jadi berkenaan dijaga sebaik-baiknya kerana ia produk yang boleh 'dijual' kepada pelancong asing.

"Selain untuk pelancongan, budaya menjaga alam sekitar ini cukup penting untuk kesejahteraan hidup. Misalnya, jika sungai dicemari sudah tentu airnya tidak selamat diminum

dan ini mewujudkan penyakit kepada orang ramai.

"Kalau kita tidak uruskan sungai dengan baik, maka ia boleh menyebabkan bencana alam lain seperti banjir sedangkan kita tahu air yang banyak boleh digunakan untuk hidroelektrik. Oleh itu manfaatkan teknologi dan pada masa sama jangan cemarkan alam," katanya.

Perdana Menteri turut meminta rakyat memanfaatkan sumber alam seperti buah-buahan dan hasil hutan untuk dijadikan produk yang boleh dipasarkan peringkat antarabangsa.

"Pada masa sama, rakyat perlu kreatif menghasilkan produk kraf tangan melalui barangan terbuang dan sampah, juga kraf tangan melalui akar kayu dan tunggul kayu balak," katanya.

Mengenai pembangunan modal insan, Perdana Menteri berkata, ia penting bagi mewujudkan masyarakat berilmu, berkemahiran dan berpengetahuan luas, termasuk dalam bidang sains dan teknologi.

Katanya, jika akal digunakan dengan betul, ia dapat membantu manusia menguruskan diri dan berada dalam landasan betul.

"Kekurangan ilmu atau tidak menggunakan akal di jalan yang betul menyebabkan seseorang itu miskin dan kemiskinan ini menjerumuskan manusia ke arah kekufuran," katanya.

“Rakyat perlu kreatif dalam menghasilkan produk berasaskan sumber semula jadi”

**Abdullah Ahmad
Badawi**
Perdana Menteri